

U PB 04-11 00200 XB028

AAB DEM

Mahathir - Kejayaan

JANGAN NAPI KEJAYAAN UMNO MAJUKAN MELAYU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kejayaan orang Melayu dan Bumiputera dalam pelbagai bidang merupakan kejayaan UMNO yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa.

Katanya, anak Melayu dan Bumiputera yang kini berjaya sebagai saintis, ahli korporat, ilmuan dan sebagainya ialah kerana perjuangan UMNO dan kerajaan pimpinan UMNO walaupun mungkin ada yang akan berkata bahawa ia memang menjadi tanggungjawab kerajaan.

"Sebenarnya banyak kerajaan di dunia ini yang bukan sahaja tidak menolong menjayakan kelompok-kelompok masyarakat mereka yang tertinggal, tetapi juga tidak berjaya membangunkan negara mereka," katanya semasa merasmikan Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata keadaan itu turut dialami negara-negara maju dan ketidakupayaan itu menyebabkan tidak banyak kerajaan yang berjaya mengatasi kebanyakan masalah negara dan rakyatnya.

Dr Mahathir bersyukur kerana majoriti anak Melayu dan Bumiputera yang berjaya tidak lupa mengenang budi walaupun masih ada daripada mereka yang masih beranggapan bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) hanya menguntungkan segelintir orang Melayu, sedangkan "mereka lah orang Melayu itu." -- Lagi.
JO AZ.

▼04/11/10-56MST

CNS8601

U PB 04-11 00201 XB029

AAB DEM

Mahathir - Kejayaan 2 Kuala Lumpur

Oleh kerana itu, katanya, tidak ada sesiapa boleh mendakwa mereka tidak mendapat nikmat daripada DEB atau dasar penswastaan kerajaan. Ini kerana yang tidak mampu mengemukakan tender dan mengambil alih syarikat atau jabatan kerajaan yang diswastakanpun boleh mendapat faedah melalui pembelian saham, sama ada yang dikhususkan untuk pekerja atau melalui Bursa Saham Kuala Lumpur.

Dalam hal ini, Perdana Menteri juga tidak mahu mana-mana pihak memandang serong terhadap mereka yang mampu melibatkan secara langsung dalam dasar penswastaan.

"Jika ternampak seolah-olah orang yang mendapat peluang-peluang ini terdiri daripada orang yang rapat dengan pemimpin-pemimpin kerajaan, ianya adalah kerana kerajaan ini sengaja mendekati peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha yang berbakat," katanya.

Beliau berkata ia dilakukan kerana mereka boleh menolong menjayakan rancangan-rancangan kerajaan.

"Tetapi ada lebih ramai lagi mereka yang rapat dengan Menteri-menteri kerajaan yang tidak mendapat apa-apa. Kriteria yang digunakan ialah kebolehan, bukan kerana keluarga atau kawan," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau sedar bahawa untuk menimbulkan kemarahan orang ramai, cara yang mudah ialah dengan mengutuk orang yang berada, yang merupakan antara ideologi sosialisme dan komunisme, yang hanya berjaya menjadikan semua anggota masyarakat lebih miskin dan bukannya lebih kaya.
— Lagi.

▼04/11/11-06MST

U PB 04-11 00209 XB030

AAB DEM

Mahathir - Kejayaan 3 Kuala Lumpur

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berkata di mana-manapun sudah tentu ada yang miskin "kerana kita tidak mungkin mengadakan satu masyarakat yang semuanya kaya" dan jikapun keadaan itu berlaku semua khidmat dan barangan akan menjadi mahal hingga tidak mampu dibeli oleh semua pihak.

Dr Mahathir menegaskan ini bukan kali pertama beliau menghuraikan masalah miskin dan kaya kerana "ada orang Melayu yang sanggup mengecam dasar-dasar kerajaan yang dibentuk untuk menolong orang Melayu, semata-mata kerana mereka mudah terpengaruh dengan jolokan perasaan iri hati dan benci kepada orang yang lebih berada di kalangan mereka."

"Bagi orang yang menggubal dasar-dasar dan rancangan-rancangan untuk menolong orang Melayu dan Bumiputera, tidak ada yang lebih mengecewakan daripada mendengar orang Melayu sendiri mengecam dasar-dasar dan usaha-usaha untuk menolong mereka," katanya, dan menambah kata bahawa mereka sendiri tidak mempunyai cadangan alternatif.

Beliau kesal kerana golongan yang suka mengecam ini bukan sahaja tidak suka orang Melayu menjadi miskin tetapi juga tidak mahu mereka (orang Melayu) menjadi kaya.

Ketika menyentuh mengenai peranan pekerja dalam kemajuan negara, Perdana Menteri berkata cara di Barat yang menggunakan "ujian kekuatan" melalui tindakan perusahaan ialah satu manifestasi kecetekan tamadun Barat yang tidak sepatutnya digunakan di Malaysia. -- lagi.

04/11/11-16MST

U PB 04-11 00166 XB031

AAB DEM

Mahathir - Kejayaan 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau mahu semua pihak berfikir apa yang akan jadi kepada masyarakat jika ujian kekuatan dijadikan kaedah untuk menyelesaikan masalah sedangkan pekerja boleh menikmati faedah kemajuan negara tanpa tindakan perusahaan.

"Oleh itu percayalah kepada janji-janji kerajaan Barisan Nasional (BN), jika kerajaan tidak berjanjipun, kerajaan tetap akan melakukannya. Kerajaan ini dipilih oleh pekerja juga.

"Tidak mungkin berjuta-juta undi yang BN perolehi, semuanya datang daripada tauke-tauke," katanya sambil menambah kata bahawa semua lapisan masyarakat akan mendapat nikmat yang berpatutan jika BN terus memerintah.

Dr Mahathir juga melahirkan kesyukuran bahawa Malaysia tidak bergantung kepada bantuan dan pemberian (hand-outs) dari luar dan ini sedikit sebanyak memberi kebebasan kepada negara untuk mengemukakan pandangannya dan bersuara di peringkat antarabangsa mengenai isu-isu kontroversi.

Mengenai hasrat Malaysia menjadi negara maju, beliau berkata sekiranya matlamat itu tercapai "kita tidak akan mudah ditekan lagi oleh kuasa-kuasa dunia dalam bidang politik, ekonomi atau sosial." -- Bernama.

JO AZ.